

07/06/1997

Penggantungan untuk bersih parti

ALOR GAJAH, Jumaat - Keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno menggantung keahlian dua bekas pemimpin Wanita Umno, Siti Zainab Datuk Abu Bakar serta Senator Habshah Osman, bertujuan membersihkan parti daripada penyelewengan supaya ia tidak menjadi satu budaya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pucuk pimpinan parti diterajui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah membuat keputusan bersikap tegas terhadap segala bentuk penyelewengan, termasuk rasuah.

Berikutan itu, tegasnya, Umno tidak mahu amalan penyelewengan itu dibudayakan dalam parti kerana khuatir akan menjadi ikutan di kalangan penyokong.

"Keputusan ini dibuat selepas ada bukti menunjukkan mereka terbabit dalam isu penyelewengan RM1.8 juta daripada akaun Pergerakan Wanita Umno," katanya selepas merasmikan Bengkel Manipulatif dan penyampaian sumbangan Yayasan Melaka kepada pelajar Dewan Undangan Negeri Melekek di Sekolah Menengah Kebangsaan Naning di sini, hari ini.

(END)